

## → PELANCONGAN

## Universiti boleh pikat pelancong

Ungkapan 'Universiti sebagai Gedung Ilmu' adalah ungkapan yang sinonim baginya. Ini menjadikan setiap universiti berlumba bagi mendapatkan tempat dalam kalangan pelajar sebagai destinasi ilmu. Namun, pada hari ini peranan universiti sudah melangkaui sempadan itu.

Di universiti aktiviti penyelidikan, perundingan, khidmat sosial dan pelbagai aktiviti lain turut dilakukan. Dengan kepelbagaian aktiviti dan fungsi yang dilaksanakan oleh universiti pada hari ini, universiti sudah dilengkapi dengan pelbagai peralatan dan kemudahan. Bermula dengan ruang kuliah yang eksklusif, bilik seminar, peralatan audio dan studio yang lengkap, dewan persidangan dan pelbagai lagi.

Bagi sesetengah universiti, umpamanya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), mereka dibangunkan dengan persekitaran yang sangat kondusif, iaitu UKM sebagai sebuah universiti berkonsepkan ekologi sementara UPM masih kekal sebagai universiti berasaskan pertanian walau sudah ditukar namanya daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia. Begitulah uniknya kedua-dua universiti ini.

**Destinasi kondusif**

Dengan keunikan ini, ia menjadi destinasi kondusif sebagai destinasi pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan sebagainya serta tidak menjadi kekangan, jika ia



[FOTO HIASAN]

**Manfaat kehijauan persekitaran UPM untuk dijadikan destinasi agro pelancongan.**

turut dijadikan destinasi pelancongan berasaskan eko (UKM) dan agro (UPM). Dengan menjadikan kedua-dua universiti ini sebagai destinasi eko dan agropelancongan, ini bermakna universiti lebih dikunjungi sama ada pelancong dalam negara, mahupun luar negara.

Kedatangan pelancong tempatan membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali universiti dengan lebih dekat. Mereka berpeluang mengetahui aktiviti dan dapatan kajian atau penyelidikan yang dilakukan, yang

mungkin bermanfaat bagi mereka.

Begitu juga dengan universiti itu sendiri, iaitu melalui cara ini mereka lebih mendekati masyarakat luar dan mendapat input yang mungkin diperlukan. Kunjungan pelancong luar negara juga memberi peluang bagi universiti mempromosikan dirinya.

Semakin universiti lebih dikenali pada peringkat antarabangsa semakin tinggi kebolehpasaran sebagai destinasi ilmu, penyelidikan, rundingan dan sebagainya.

Universiti sebagai destinasi pe-

lancongan adalah suatu yang mampu dilaksanakan, menarik dan membolehkan universiti menjana pendapatan hasil daripada ketibaan pelancong selain meningkatkan bilangan destinasi pelancongan.

Sebenarnya sama ada UKM mahupun UPM, kedua-duanya sudah tersedia dengan eko dan agro yang sesuai sebagai tarikan pelancong.

**Rangka aktiviti eko, agro**

UKM umpamanya sememangnya diliputi suasana eko yang menghijau. Taman paku-pakis yang menarik, rumah tumbuhan dan haiwan, lapangan golf yang terbentang, tasik yang mendamaikan dan persekitaran hutan simpan dan hutan sawit yang sangat menarik. Begitu juga dengan UPM. Universiti ini sudah tersedia dengan ladang tanaman, dusun buah-buahan serta ladang ternakan.

Apa yang perlu dilakukan untuk menjadikan kedua-dua universiti ini sebagai destinasi pelancongan eko dan agro adalah merangka aktiviti yang berkaitan eko mahupun agro yang boleh dikunjungi pelancong.

Ini termasuk meningkatkan prasarana pelancongan khususnya ruang penginapan dan makan yang lebih mesra pelancong dan menyediakan pelan perancangan dan pengurusan pelancong.

Kedua-dua universiti juga boleh bekerjasama dan menjadi pelengkap antara satu sama lain kerana masing-masing mempunyai kelebihan selain terletak pada kedudukan yang berdekatan.

**Komentar**

**Dr Norlida Hanim  
Mohd Salleh**

**Pensyarah** Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Sebenarnya sama ada UKM mahupun UPM, kedua-duanya sudah tersedia dengan eko dan agro yang sesuai sebagai tarikan pelancong"